




JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

DASAR ANTIRASUAH

Jabatan Kerja Raya beriltizam untuk menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus seiring dengan misi JKR iaitu berpegang teguh kepada integriti dalam menyampaikan perkhidmatan.

Bagi menjayakan dasar ini, JKR memastikan langkah-langkah berikut dilaksanakan:

1. Memperkuuh tadbir urus, pemantapan integriti dan Antirasuah dalam tadbir urus Jabatan ke arah sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan akauntabiliti bagi meningkatkan keyakinan pemegang taruh, pelanggan serta imej Jabatan.
2. Mengambil tindakan pengesanan, pematuhan, punitif yang tegas dan adil bagi mencegah perlakuan rasuah, pelanggaran terhadap integriti dan melaporkan kepada pihak berkaitan untuk tindakan sewajarnya.
3. Memberi komitmen ke arah penamaikan sistem dan prosedur kerja serta kod etika kerja secara berterusan selaras dengan visi Pelan Antirasuah Organisasi JKR Malaysia dengan hala tuju mencapai sebuah Jabatan yang berintegriti, tadbir urus cekap dan bebas rasuah.



DATUK Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah Kerja Raya

Tarikh: 14 Januari 2022